

ASOD Ke-39 dirasmikan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Ogos. - Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Hal Ehwal Dadah (ASOD) merupakan wadah untuk mengukuhkan kerjasama di antara ahli-ahli negara anggota ASEAN khususnya dalam mengongsikan maklumat mengenai isu penyalahgunaan dadah di antara agensi penguatkuasaan.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara yang juga turut menyampaikan ucapan.

Majlis berlangsung di Songket Hall 1, The Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi Kanan ASEAN, Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara yang juga turut menyampaikan ucapan.

Terdahulu, tetamu kehormat turut menerima kunjungan hormat daripada Ketua-Ketua Delegasi dan Sekretariat ASEAN secara berasingan.

Pada Mesyuarat ASOD kali ini turut menyaksikan pelancaran naskah laporan komprehensif mengenai situasi dadah di ASEAN bagi tahun 2017 serta inisiatif-inisiatif yang telah diambil dalam melaksanakan strategi pengurangan bekalan dan pemintaan dadah menerusi penerbitan ketiga oleh ASEAN Narcotics Cooperation Centre (ASEAN-NARCO) bertajuk "ASEAN Drug Monitoring Report 2017".

Sepanjang mesyuarat berlangsung, sebanyak lima bidang kumpulan kerja dibincangkan iaitu Pendidikan



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (Ilma, kiri) selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa bergambar ramai bersama Ketua-ketua Delegasi ke Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Hal Ehwal Dadah (ASOD) Kali Ke-39.

Pencegahan Dadah; Rawatan dan Pemulihan; Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyelidikan dan Pembangunan Alternatif bagi memberikan peluang kepada negara ahli mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik didalam pelan kerja ASEAN.

Juga dinilai dalam mesyuarat tersebut ialah penilaian keatas Rakan Kerja ASEAN Work Plan on Securing Communities against Illicit Drugs 2016-2025.

Turut berlangsung pada mesyuarat ASOD Ke-39 tersebut ialah sebanyak empat mesyuarat bersama rakan dialog iaitu Mesyuarat ASOD + China Coordination Meeting Kali Ke-5; Mesyuarat ASOD + Republic Korea Coordination Meeting Kali Ke-7; Mesyuarat Senior Official Meeting on Transnational Crime (SOMTC) + Working Group on Narcotic Kali Ke-13 dan Mesyuarat ASOD + Russia Coordination Meeting Kali Ke-2 yang masing-masing akan dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Mohd. Jaffari bin Haji Mahadi.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil persurhijaya tinggi dan kedutaan asing di negara ini serta rakan-rakan dialog.

ASOD berperanan penting tangani dadah haram



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Keselamatan Negara semasa berucap pada Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Hal Ehwal Dadah Kali Ke-39.

Dari muka 1

Tambah Yang Berhormat, kita di Negara Brunei Darussalam amat beruntung kerana dikurmiakan seorang raja dan pemimpin yang

sangat perihatin akan kebajikan rakyat dan penduduknya. Generasi Berwawasan kerap kali dinyatakan pada titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan kita dan generasi akan datang untuk melengkapkan diri ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan perimustahaknya kesedaran menentang penyalahgunaan dadah haram.

Dalam pada itu, menurut Yang Berhormat lagi, sokongan dari keluarga dan program-program rehabilitasi amat penting dalam proses pemulihan kepada mereka yang telah terlibat dalam gejala tersebut.

Penglibatan lebih banyak *public private partnership* (PPP) bersama rakan strategik juga membuahkan keberkesanan program rawatan dan rehabilitasi serta program pendidikan anti dadah tersebut.

Di negara ini jelas Yang Berhormat, pada setiap tahun, iaitu pada Ahad pertama di bulan

Mei akan berlangsung Hari Keluarga Kebangsaan dengan membawakan tema yang memfokuskan isu-isu dan implikasi penyalahgunaan dadah yang mengugat kestabilan dan keharmonian keluarga dan masyarakat.

Pada sambutan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga turut sama berceramah duli menyertai segenap lapisan masyarakat dalam aktiviti berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan. Aktiviti seumpama ini bukan sahaja mempromosi gaya hidup yang sihat dalam kalangan rakyat baginda bahkan mencerminkan pemedulian tinggi baginda dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di negara tercinta ini.

Yang Berhormat juga menegaskan mesyuarat ASOD memainkan peranan yang penting dalam memastikan segala usaha negara anggota ASEAN sejajar dengan matlamat ASEAN Bebas Dadah.

Ke arah itu, Yang Berhormat menekankan bahawa kerjasama erat bersama rakan dialog adalah amat penting terutama di dalam pembangunan kapasiti, perkongsian maklumat dan persiapan.

Doa Selamat rai para pelajar UNISSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (duduk, tengah) bergambar ramai bersama pelajar dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar baru-baru ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar-pelajar UNISSA yang akan mengikuti Program Setahun Pengajian di Luar Negara, Program Pertukaran Pelajar dan Kursus Bahasa Arab.

Majlis itu adalah sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada pelajar yang terpilih dalam mengikuti program tersebut bagi sesi pengajian 2018/2019.

Seramai 18 orang pelajar UNISSA yang cemerlang dan telah melalui proses pemilihan melalui temuduga akan mengikuti pengajian di Universiti Yarmouk, Jordan, Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia, Universiti Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Universiti Sultan Qaboos, Oman dan buat julung kalinya, di Universiti Mohammed V, Rabat, Maghribi.

Manakala, dua orang pelajar lagi akan mengikuti Kursus Intensif Bahasa Arab selama lapan minggu di Kolej Sultan Qaboos Oman di bawah tajaan biasiswa

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Kesultanan Oman.

Program Setahun Pengajian di Luar Negara dan Program Pertukaran Pelajar (1 semester) tersebut merupakan program pembangunan akademik pelajar yang dianugerahkan kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang akademik, di samping aktif dalam bidang kokurikulum.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal turut sama hadir bagi meraikan pelajar-pelajar yang terpilih.

Ucapan amanat pula disampaikan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Beliau menyeru para pelajar agar menimba ilmu sebanyak mungkin, dan mendapatkan pengalaman, serta mempelajari budaya positif bangsa serta masyarakat setempat yang boleh menjadi 'oleh-oleh' berguna sesudah pulang ke tanah air nanti.

Dalam masa yang sama, para

pelajar adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti anjuran universiti dan juga aktiviti kemasyarakatan semasa berada di perantauan nanti.

Ini amat berguna sebagai wadah dalam meluaskan perspektif, pemikiran dan pengalaman pelajar agar lebih menghargai pengalaman menimba ilmu di negara lain.

Seterusnya, pelajar diingatkan untuk sentiasa menjaga tatasusila serta nama baik dan imej universiti dan negara, serta sentiasa menjunjung falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' sebagai identiti kita walau yang mana kita berada, serta mengelakkan diri dari pengaruh dengan ideologi yang bertentangan serta tidak terlibat dengan gerakan-gerakan yang meragutkan apatah lagi yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Turut hadir ialah Penolong Rektor UNISSA, dekan pelajar dan pegawai-pegawai utama UNISSA.